

Upah pekerja lelaki lebih tinggi

PETALING JAYA – 34.7 peratus daripada pekerja formal di Malaysia menerima upah di bawah RM2,000 sebulan pada Jun lalu, berdasarkan laporan Statistik Upah Pekerja (Sektor Formal) Suku Tahun Kedua 2023 yang diterbitkan Jabatan Perangkaan semalam.


Pada masa yang sama, kira-kira 7.9 peratus pekerja formal warganegara memperoleh upah melebihi RM10,000.

Median upah bulanan bagi pekerja formal lelaki adalah lebih tinggi iaitu RM2,645 berbanding RM2,527 yang diterima pekerja wanita.

Sementara median upah bulanan pekerja formal warganegara secara keseluruhan berjumlah RM2,600 pada Jun 2023, meningkat sebanyak 4.9 peratus berbanding Jun 2022.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Mohd. Uzir Mahidin berkata, semua negeri menunjukkan pertumbuhan positif tahun ke tahun dari segi median upah bulanan.

“Tiga negeri merekodkan median upah bulanan yang lebih tinggi berbanding median upah nasional RM2,600 iaitu Wilayah



MOHD. UZIR

PERBEZAAN median upah pekerja lelaki dan wanita tidak memberi kesan besar kepada prestasi kualiti kerja antara dua kumpulan tersebut. – GAMBAR HIASAN

Persekutuan Kuala Lumpur yang mencatatkan median upah bulanan tertinggi sebanyak RM3,822, diikuti Selangor (RM2,945) dan Pulau Pinang (RM2,645).

“Kelantan, Perlis dan Sabah mencatatkan median upah bulanan terendah masing-masing sebanyak RM1,600, RM1,600 dan

RM1,800,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Berdasarkan aktiviti ekonomi, sektor perlombongan dan pengkuarian mencatatkan pertumbuhan dua digit tahun ke tahun dalam median upah bulanan pada Jun 2023 kepada RM5,200, namun sektor ini hanya mewakili

0.5 peratus daripada keseluruhan jumlah pekerja formal.

Semua sektor mencatatkan peningkatan tahun ke tahun bagi median upah bulanan pada Jun 2023 kecuali sektor pertanian mencatatkan penurunan sebanyak 0.9 peratus kepada RM1,927.